

BERITA HARIAN

DATE: 29 / 10 / 2007

## Berhenti salahkan kerajaan: PM

**A** LOR STAR: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata usahawan Melayu mesti berhenti daripada menyalahkan pihak lain apabila usaha mereka gagal atau tidak maju.

Beliau sebaliknya berkata, usahawan Melayu perlu bermuhasabah untuk mencari kesilapan sendiri supaya sebarang kelemahan boleh diperbaiki.

Katanya, konsep bermuhasabah diri tidak boleh hanya disempitkan dengan menilai ketaqwaan atau keimanan terhadap pemerintah dan ajaran Allah semata-mata, tetapi perlu diperluaskan supaya dapat menilai kemampuan diri masing-masing.

"Apabila tidak berjaya cuba tanya di mana tidak kena, jangan tanya kerajaan dulu... cuba tanya mengapa kebun kita masih di tahap itu saja tidak seperti orang lain (yang berjaya)," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran serentak Gagasan Badan Ekonomi Melayu (Gabem) bagi negeri Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), membabitkan Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak di sini, semalam.

Beliau kemudian menyerahkan watakah pelantikan kepada penang dan pengerusi Gabem bagi setiap negeri berkenaan.

Abdullah berkata, usahawan Melayu juga perlu menilai diri sendiri sama ada mereka mempunyai cukup ilmu dalam bidang yang diceburi berbanding dengan orang lain.

"Kita berniaga dan orang lain pun berniaga, tetapi mengapa mereka maju? Kita ada kebun kelapa sawit tetapi orang lain ada ladang kelapa sawit... Kita ada kebun getah, tetapi orang lain ada ladang getah," katanya.

Sementara itu, beliau menyarankan Gabem di negeri NCER berfungsi sebagai badan perunding kepada usahawan Melayu di kawasan berkenaan.

Katanya, menerusi cara itu, Gabem akan muncul sebagai badan yang memberi perkhidmatan yang berkesan kepada usahawan Melayu.

"Gabem perlu menilai peluang dan pelaksanaan projek secara berterusan yang dilaksanakan dalam NCER," katanya.